# Mereka harus diberi perhatian, bimbingan dan galakan supaya semangat cintakan pemimpin parti dan kerajaan dapat dikekal

DATUK SERI DR. MAHATHIR

# Generasi muda dan politik Melayu

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Oleh Abd. Rahim Abd. Rashid

MASA depan orang Melayu adalah bergantung kepada keutuhan politik yang teguh lagi mempunyai tujuan-tujuan perjuangan yang jelas selain daripada pencapaian orang Melayu dalam bidang ekonomi yang mesti diambil kira secara terancang memandangkan faktor sejarah yang begitu lama meninggalkan dan mengasingkan orang Melayu dalam bidang ekonomi.

Apa jadi juka kuasa politik orang Melayu menjadi lemah?

Apa jadi jika masa depan politik orang Melayu khususnya UMNO menjadi terancam seperti apa yang telah ditegaskan dengan perasaan bimbang oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tentang terdapatnya musuh UMNO yang datangnya dari anak-anak UMNO sendiri?

Apa jadi jika anak-anak ahli UMNO khususnya generasi muda tidak lagi berminat kepada UMNO dan kerajaan yang memerintah?

Mengapakah keadaan ini boleh berlaku yang menyebabkan timbulnya kebimbangan di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu sekarang? Apakah pula jalan penyelesaian yang patut diusahakan bagi mengatasinya?

## Dibawa sama

Inilah beberapa persoalan yang berkaitan dengan masalah ini.

Tidak keterlalukan jika disarankan bahawa pemimpin Melayu, khususnya UMNO, harus mengambil insiatif dan memainkan peranan penting terhadap masalah ini.

Pemimpin-pemimpin Melayu di peringkat kampung, cawangan, bahagian dan setiausaha di prringkat kepimpinan yang lebih tinggi haruslah mengatur strategi yang boleh bagi menanam dan menyemaikan semangat cintakan UMNO di kalangan pemuda-pemudi generasi muda.

Golongan muda harus dibawa bersama mengangkat UMNO. Pintu UMNO harus dibuka seluas-luasnya kepada generasi muda. Kesedaran politik untuk kepentingan bangsa Melayu khususnya, haruslah disemai dan ditanam di kalangan generasi muda.

Beberapa rancangan kegiatan yang boleh melibatkan golongan muda dalam kegiatan beroganisasi yang dapat menyokong kerajaan haruslah dikembangkan, diberi perhatian dan dirancangkan dengan baik dan teratur.

UMNO sendiri haruslah membentuk barisan kepimpinan yang berkualiti dengan membawa dan menarik tenaga-tenaga intelek muda lebih ramai lagi dalam parti di semua peringkat supaya ketandusan kepimpinan dapat diatasi dan satu barisan kepimpinan yang berkualiti boleh disusun dan disediakan demi untuk kebaikan UMNO dan masa depan orang Melayu sendiri.

Pergeseran politik atau kepentingan diri sendiri antara pemimpin-pemimpin dalam parti dan pucuk pimpinan di peringkat kampung, cawangan dan bahagian haruslah dielakkan supaya tidak menimbulkan kerugian kepada bangsa dan mengecewakan generasi muda, dan langkah-langkah harus dijalankan untuk menyelesaikannya dengan baik.

Pemimpin atau tokoh-tokoh yang layak haruslah dibawa ke depan demi untuk menerusakan perjuangan yang menguntungkan UMNO dan orang Melayu.

Sikap mementingkan diri sendiri di kalangan pemimpin-pemimpin, khususnya wakil-wakil rakyat yang melupakan kehendak dan aspirasi rakyat, haruslah dikiis dan kesedaran bagi membaiki dan menyatukan rakyat haruslah diberi perhatian dan keutamaan sebagai pemimpin rakyat.

Rakyat baru selepas merdeka memerlukan banyak perubahan, memerlukan kepimpinan yang baik, malahan mereka boleh pula menilai kebolehan tiap-tiap wakil rakyat atau pemimpin yang berada di tengah-tengah mereka.

Pemimpin yang baik haruslah berpotensi, mempunyai sifat-sifat dinamis, mempunyai daya intelektuil yang tinggi yang boleh diharapkan memimpin rakyat dan memajukan rakyat di kawasan mereka terutama di kalangan generasi baru yang amat mengharap pimpinan.

Pemimpin yang lemah hanya akan menghilangkan kepercayaan rakyat dan akan melemahkan jentera parti.

Keegoan dan kesombongan pemimpin terhadap generasi muda haruslah juga dikiis. Generasi muda haruslah diberi perhatian, bimbingan dan galakan supaya semangat cinta kepada pemimpin parti, dan kerajaan yang memerintah dapat dikekalkan.

Dengan jalan ini juga generasi muda akan mempunyai wadah, saluran dan tempat bergantung dan tidak lagi dapat digunakan oleh anasir-anasir yang boleh merosakkan kepercayaan mereka terhadap kepimpinan bangsa sendiri khususnya UMNO dan kerajaan dari teras bangsa sendiri.

Generasi muda yang terumbang-ambing dan tidak pula mendapat perhatian akan lebih mudah dipengaruhi oleh berbagai aliran ideologi, pengaruh dan anasir-anasir yang merosakkan tidak kira sma ada mereka anakanak UMNO atau anak golongan apa sekalipun.

Di sini tidaklah bermakna perhatian tidak diberi kepada generasi muda tetapi bagaimana menjadikan anak-anak muda ini orang yang aahu menghargai pengorbanan dan perjuangan pemimpin kerajaan terhadap mereka dalam segala segi termasuk polisi-polisi yang dibuat yang pada asasnya bagi faedah dan kebaikan rakyat khususnya generasi muda di negara ini.

Boleh dikatakan bahawa golongan muda dewasa ini adalah generasi baru yang telah mendapat pendidikan yang lebih baik, mengecapi keadaan hidup yang lebih lumayan dan dapat melihat segala bentuk pembangunan yang lebih dinamik dan terdedah kepada berbagai pengaruh idea dan perkembangan. Semuanya ini menjadikan amat sukar menjinakkan mereka.

Setengah-setengah golongan muda tidak mempunyai rasa cinta yang mendalam terhadap bangsa, agama dan tanahair.

Apa lagi jika faktor-faktor kelemahan ini ditambah dengan tidak adanya inisiatif daripada pemimpin-pemimpin mahupun golongan ibubapa mereka yang menjadi pemimpin-pemimpin UMNO ini untuk membawa mereka menyedari perjuangan dan pengorbahan pemimpin-pemimpin Melayu dari berbagai peringkat dalam UMNO bagi kebaikan masa depan bangsa.

Anak-anak muda Melayu harus disedarkan bahawa perjuangan bagi membaiki nasib dan masa depan mereka dalam segala bidang perlukan sokongan mereka; perlu sekali kuasa dan pucuk pimpinan diperkuatkan melalui sokongan mereka.